



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERMOHONAN PENGAMBILAN PEKERJA WARGA ASING

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Disember 2022 telah bersetuju untuk pengambilan pekerja warga asing dalam sektor yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing. Sehubungan itu, **proses permohonan bagi pengambilan pekerja warga asing ini akan dibuka secara berperingkat.**
2. Permohonan akan dibuka mulai **28 Januari 2022** untuk pengambilan 32,000 pekerja warga asing dalam sektor perladangan secara pengecualian khas. Manakala, permohonan pekerja warga asing untuk sektor-sektor lain yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing termasuk sektor perladangan tanpa pengecualian khas akan mula dibuka pada **15 Februari 2022**. Permohonan boleh dibuat oleh majikan di laman web www.fwcms.com.my
3. Selain daripada tarikh-tarikh yang diumumkan untuk kemasukan pekerja warga asing, saya ingin mengingatkan semua majikan untuk mematuhi SOP Kemasukan Pekerja Warga Asing yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. SOP ini merangkumi empat fasa iaitu pra pelepasan, semasa ketibaan, selepas ketibaan iaitu tempoh kuarantin dan pasca kuarantin. Semua pekerja warga asing perlu menjalani tempoh kuarantin selama 7 hari dan ujian saringan COVID-19 sebanyak 2 kali dalam tempoh tersebut yang akan ditanggung oleh majikan.
4. Ketika ini, semua pusat kuarantin dan hotel bagi tujuan kuarantin berada di Lembah Klang. Setakat ini, kapasiti yang boleh ditampung oleh pusat kuarantin atau hotel bagi tujuan kuarantin adalah sebanyak 10,000 orang pada satu-satu masa. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia mengalu-alukan mana-mana pihak yang berminat untuk menawarkan khidmat sebagai pusat kuarantin atau hotel bagi tujuan kuarantin dengan mematuhi syarat dan kriteria yang

ditetapkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Jawatankuasa
Pengurusan Bencana Negeri.

DATUK SERI M.SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
15 JANUARI 2022